



SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA

# SIARAN MEDIA

## HARI TERBUKA SPA@PUTRAJAYA 2024 : USAHA PROAKTIF MENINGKATKAN KUALITI PEMOHON PEKERJAAN SEKTOR AWAM DAN SWASTA DI MALAYSIA

---

**PUTRAJAYA, 2 November 2024** – Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) telah mengadakan Hari Terbuka SPA@Putrajaya 2024 bertempat di Dewan Damar Sari 1,2 dan 3, Blok F8, Kompleks F, Putrajaya pada hari ini. Dalam program tersebut, YBhg. Dato' Seri Dr. Ahmad Jailani Bin Muhamed Yunus, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) dan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP) telah mengadakan sesi *walkabout* bersama-sama Ahli Suruhanjaya SPA dan Pengurusan Tertinggi SPA.

Hari Terbuka SPA@Putrajaya 2024 merupakan sebuah program anjuran SPA dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) MyFutureJobs. Penganjurannya adalah bertujuan meningkatkan kefahaman tentang peluang permohonan jawatan ke perkhidmatan awam dan swasta. Dengan sasaran kehadiran pengunjung seramai 5,000 orang, Hari Terbuka SPA@Putrajaya 2024 menyediakan perkhidmatan konsultasi SPA seperti khidmat nasihat berkaitan pengambilan ke perkhidmatan awam, kesesuaian jawatan yang dimohon, semakan status permohonan, pendaftaran dalam Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9) serta simulasi temu duga secara fizikal. Selain itu, turut diadakan sesi Taklimat Perkongsian Tips Menghadiri Temu Duga oleh Ahli Suruhanjaya, Taklimat Memasuki Perkhidmatan Awam, Taklimat Penilaian Memasuki Perkhidmatan Awam (PSEE) - Ujian Psikometrik dan taklimat kerjaya daripada rakan strategik.

Bukan itu sahaja, buat julung kalinya pengunjung berpeluang menjalani Ujian Pemeriksaan Fizikal, Pancaindera dan Kecergasan (UFPK) secara *walk in* di mana calon yang lulus UFPK, diberi tempoh sah laku keputusan selama enam (6) bulan. Sesi UFPK melibatkan Pemeriksaan Fizikal dan Pancaindera seperti Ujian Penglihatan, Ukuran *Body Mass Index* (BMI), Ujian Pengecaman Warna, Pemeriksaan Tubuh Badan dan Gaya

Berjalan. Manakala Ujian Kecergasan pula melibatkan aktiviti seperti Lompat Jauh Berdiri, Ujian Ketangkasan T, Bangun Tubi dan Larian 2.4 kilometer. Semua ujian ini dilaksanakan secara telus, teliti dan mengikut prosedur yang ditetapkan. Ia merupakan langkah proaktif SPA dalam mendapatkan calon pemohon pekerjaan yang berkualiti dan mampu mengurangkan kos pengambilan ke perkhidmatan awam bagi skim penguat kuasa.

Program ini juga telah menerima sambutan yang menggalakkan daripada pengunjung termasuk kategori Orang Kurang Upaya (OKU) bagi memohon pekerjaan sama ada dalam sektor awam mahupun swasta. Justeru, ia menjadi platform kepada golongan OKU mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian dengan tahap kelayakan mereka. Ini selari dengan usaha SPA dalam mencapai sasaran satu peratus penyertaan pemohon pekerjaan OKU dalam sektor perkhidmatan awam.

Hari Terbuka SPA@Putrajaya 2024 turut melibatkan pempamer yang terdiri daripada rakan strategik seperti Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP), Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Penjara Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM). Justeru, program ini merupakan platform memperkukuh strategi dalam menyebarkan maklumat perkhidmatan SPA dan rakan strategik pempamer yang terlibat bagi memastikan penyampaian berkesan kepada masyarakat.

SPA juga sedang memperluas program *outreach* ke seluruh pelosok negara untuk memberikan penerangan kepada masyarakat berhubung peluang kerjaya di dalam perkhidmatan awam, terutamanya di kawasan-kawasan yang masih mempunyai capaian internet yang terbatas seperti kawasan pedalaman.

**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**  
**2 NOVEMBER 2024**